

Negeri kedua termiskin selepas Sabah

# Gaji rakyat di Kelantan terendah

Oleh AZRAN FITRI RAHIM  
azran.rahim@utusan.com.my

**KOTA BHARU** 8 Sept. - Purata pendapatan bulanan isi rumah rakyat Kelantan adalah yang terendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain pada tahun lalu.

Berdasarkan hasil kajian Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan, purata pendapatan bulanan isi rumah rakyat negeri ini ialah RM3,168, diikuti Kedah RM3,425 serta Perlis (RM3,538).

Jumlah tersebut amat rendah berbanding purata bulanan pendapatan isi rumah bagi Malaysia iaitu sebanyak RM5,000.

Pada masa yang sama, Kelantan merupakan negeri kedua termiskin dengan jumlah kemiskinan sebanyak 2.7 peratus manakala Sabah ditangga terbawah dengan 8.1 peratus pada 2012.

Bagaimanapun Kelantan mencatatkan penurunan yang drastik sejak 1990 yang ketika itu mencatatkan kadar kemiskinan sebanyak 29.6 peratus.

Sementara itu, Ketua Perangkaan Malaysia, Dr. Abdul Rahman



**ABDUL** Rahman Hasan (depan, kanan) berbincang sesuatu dengan para pegawaiannya ketika sesi interaktif Transformasi Sosial dan Peranan Jabatan Perangkaan Malaysia di Kota Bharu, Kelantan, semalam.

Hasan berkata, kajian itu mendapat purata pendapatan isi rumah di negeri ini telah meningkat sebanyak tujuh peratus.

Beliau berkata, kadar pendapatan yang rendah dan jumlah kadar kemiskinan tersebut adalah disebabkan kurangnya pelaburan dari luar.

“Ini jelas apabila negeri-negeri kaya seperti Selangor yang mencatatkan purata pendapatan isi rumah sebanyak RM7,023 disebabkan

industri yang berkembang pesat di sana.

“Industri adalah berkaitan dengan pelaburan dari luar, jadi kekurangan pelaburan menyebabkan pendapatan isi rumah tidak meningkat seperti negeri-negeri lain,” katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian sesi interaktif Transformasi Sosial dan Peranan Jabatan Perangkaan Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan, Ab. Rahman Mohamad.

Dalam pada itu Abdul Rahman berkata, pihaknya akan mengadakan kajian perbelanjaan isi rumah pula pada tahun depan.

Katanya, pengumpulan data tersebut akan melibatkan seramai 70,000 orang di seluruh negara bagi mengetahui trend perbelanjaan rakyat di negara ini.

“Tahun depan kita akan adakan penyiasatan perbelanjaan isi rumah, mereka perlu mengira barang yang dimasukkan ke dalam ‘bakul’ setiap kali berbelanja.

“Pada tahun 2010, kebanyakan isi rumah berbelanja banyak untuk makanan, mungkin 2014 cita rasa rakyat telah berubah,” katanya.